

Perubahan Objek *Tajau* Dalam Budaya Iban di Sarawak

Khairul Zuhairi Kalim

Noria Anak Tugang

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Email: khairulzuhairikalim@gmail.com

Pengenalan

Tajau merupakan salah satu warisan tradisi yang berharga dalam kehidupan masyarakat Iban. Tembikar atau dikenali sebagai *tajau* bagi masyarakat Iban di Sarawak sangat berbeza dengan tembikar-tembikar yang terdapat di negeri-negeri lain. Oleh itu, *tajau* bukan sahaja cantik dari segi corak ukirannya tetapi ia mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri serta penggunaannya yang lebih kepada mengikuti adat tradisi masyarakat Iban di Sarawak. *Tajau* juga mempunyai fungsi dalam sektor perdagangan iaitu menerusi barangan objek *tajau* yang ditukarkan dengan penduduk setempat. Kepelbagaian fungsi *tajau* ini membuktikan *tajau* menjadi peranan penting dalam kehidupan seharian.

Asal Usul *Tajau*

Tajau (Tempayan) adalah warisan tradisi yang istimewa dalam budaya masyarakat Iban dari dahulu hingga kini. Menurut masyarakat Iban, tembikar bermaksud barangan berharga seperti tempayan yang digunakan sebagai adat tanda hormat dan keampunan, atau adat '*tunggu*', (adat ketua rumah panjang untuk meleraikan pertengkaran) (Noria Tugang, 2011). Namun begitu, pada asalnya *tajau* ini digunakan oleh para pedagang untuk menyimpan barangan yang basah atau barangan yang cepat rosak. Permintaan *tajau* oleh masyarakat tempatan di Sarawak daripada pedagang luar menjadi fokus utama dalam kepentingan *tajau* bagi masyarakat setempat di Sarawak.

Menurut Maciver, R.M. dan Page, C.H. (1970), kuasa lahiriah seseorang manusia terhadap alam sekeliling itu bertambah dengan pengurangan interaksi manusia terhadap pengaruh alam sekeliling secara berterusan. Masyarakat Iban percaya dan yakin bahawa *tajau* memiliki semangat dan mempunyai kuasa luar biasa yang boleh mengekalkan kesejahteraan antara hubungan komuniti dan tuhan. Walau bagaimanapun, *tajau* mempunyai sistem pengurusan yang tersendiri, yakni hierarki sosial masyarakat Iban di Sarawak seperti *tajau singlaraja*, *tajau guchi*, *tajau rusa (besar dan kecil)*, *tajau ningka*, *tajau begiau*, *tajau menaga*, *tajau jabir*, *tajau sigi alah*, *tajau sigi panding*, *tajau mandoh* dan *tajau kebok*. *Tajau* ini distrukturkan dalam beberapa peringkat berdasarkan nama dan saiz itu sendiri. Kini, *tajau* tidak dilihat bersifat materialistik malah, mengalami perubahan objek *tajau* dalam masyarakat Iban. Justeru itu, *tajau* dilihat bukan lagi dijadikan sebagai amalan yang berunsurkan ritual-ritual agama dan kepercayaan masyarakat Iban. Disebaliknya, objek *tajau* diubah menjadi peralatan perhiasan rumah yang diletakkan di anjung rumah.¹ Kebanyakan masyarakat Iban di Sarawak sudah jarang menggunakan objek *tajau*

¹ Maklumat dari informan Ambeng Anak Abong, 56 tahun